



**Pelarian Rohingya** menyeberangi terusan berhampiran kem penempatan sementara di sempadan Myanmar dan Bangladesh di Tombru.



#tangisanRohingya

# Rohingya kekal jadi pelarian

➔ Myanmar berdolak-dalik patuhi perjanjian

▀ Dhaka

**S**eorang Menteri Kabinet Kanan Bangladesh menuduh Myanmar menghalang usaha penghantaran pulang kira-kira 750,000 pelarian Rohingya, malah menganggap kumpulan etnik beragama Islam itu tidak mungkin dapat pulang ke negara asal mereka.

Menteri Kewangan A M A Muhith, berkata perjanjian penghantaran pulang yang ditandatangani antara Myanmar dan Bangladesh pada November lalu kemungkinan besar gagal, walaupun kerajaannya secara

rasmi berpendirian golongan terbabit mesti lambat-laun dihantar pulang.

“Saya tidak percaya Rohingya boleh dihantar balik. Kamu boleh membuat spekulasi, tidak ramai akan pulang ke Myanmar.

“Sebab pertama adalah Myanmar hanya akan mengambil sejumlah kecil dan selain itu, mereka juga tidak akan pulang kerana bimbang akan dianiaya lagi.

## **Tetap dihantar pulang**

“Myanmar hanya akan mengambil 15 orang sehari, walaupun ada sejuta Rohingya. Mereka (Myanmar) memang jahat,” katanya.

Bangladesh menegaskan proses penghantaran pulang akan diteruskan dan pada bulan lalu, negara itu menyerahkan kepada Myanmar nama 8,000 pelarian yang dijangka kembali ke Rakhine, iaitu lokasi kumpu-



Myanmar hanya akan mengambil 15 orang sehari, walaupun ada sejuta Rohingya. Mereka (Myanmar) memang jahat”

**A M A Muhith,**  
Menteri Kewangan Bangladesh

lan minoriti beragama Islam itu ditindas sejak beberapa generasi lalu. Bagaimanapun, perancangan itu mengundang kontroversi sejak dari awal lagi.

## **PBB beri amaran**

Kumpulan hak asasi manusia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi amaran syarat dipersetujui bagi pengembalian Rohingya ke Myanmar itu tidak dilaksanakan.

Pelarian di kem di tenggara Bangladesh juga menolak cadangan itu kerana bimbang nyawa terancam, jika kembali ke Rakhine.

Mengikut perjanjian itu, kumpulan pertama daripada 750,000 orang dicadangkan sepatutnya mula pulang pada Januari lalu.

Namun, proses itu tergendala apabila Myanmar serta Bangladesh mendakwa masing-masing gagal membuat persediaan sewajarnya.

AFP